

**PROGRAM PROMOSI BSK JKSNK SEMPENA KARNIVAL MAHABBAH IKIM.fm.  
(INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA) DI MASJID AL-KHAIRIYAH  
BEDONG, KEDAH DARUL AMAN.**

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah telah dijemput untuk menjayakan Karnival Mahabbah Ikim.fm (Institut Kefahaman Islam Malaysia) di Masjid Al-Khairiyah Bedong, Kedah pada 24 – 25 OGOS 2017 Khamis dan Jumaat yang lalu.

Program bermula sekitar jam 9.00 pagi telah yang disertai daripada pelbagai Agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), Badan Korporat, Syarikat dan individu khususnya produk berasaskan syariah ini telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Penyertaan BSK dalam program tersebut adalah salah satu usaha untuk mempromosikan perkhidmatan serta memperluaskan lagi maklumat mengenainya. Dengan penyertaan BSK JKSM dapatlah bahagian ini turun ke lapangan memberi maklumat mengenai sistem perundangan kehakiman Syariah di negara ini dan Negeri Kedah disamping menerangkan peranan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKSM serta unit-unit yang terdapat di dalamnya termasuklah BSK. Selain itu juga, pegawai bertugas mendengar dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi pelanggan khususnya berkaitan masalah rumahtangga dan perundangan syarak.

Selain pameran turut diadakan pertandingan memasak kerabu, pertandingan memanah, Maulid@Ikim, beramah mesra dengan penyampai-penyampai radio IKIM.fm. BSK Kedah ke pameran ini telah diketuai oleh Puan Siti Sakinah binti Abd Rahman dan dibantu oleh Puan Nurulhuda binti Dzulkifli serta tiga orang kakitangan yang turut serta didalam program tersebut

Selain BSK, terdapat juga beberapa kaunter dari agensi lain antaranya Jabatan Kefahaman Islam (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), *Al-Rahnu YAPIEM* dan juga pengusaha produk makanan dan perkhidmatan seperti Syarikat QSR Sdn Bhd, LIFE, produk kecantikan dan lain-lain lagi.

BSK turut mengedarkan pamflet, buku panduan BSK dan beg cenderamata kepada pengunjung yang hadir. Program telah berakhir jam 3.00 petang dan diharap agar program seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa hadapan bagi menyebarkan luas maklumat dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSK kepada masyarakat setempat.

Sekian.

Laporan disediakan oleh :  
Bahagian Sokongan Keluarga  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah  
Ogos 2017



